



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

MODUL BAHAN DIGITAL MBMMBI



Memartabatkan
Bahasa Malaysia
& Memperkukuh
Bahasa Inggeris



DITERBITKAN OLEH
**Bahagian Teknologi Pendidikan
Negeri Johor**

SIDANG PENGARANG

Penaung :

Tn. Haji Zaidi Bin Yazid
Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tn. Haji Aminudin Bin Adam
Pengarah Pendidikan Negeri Johor
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

Penasihat :

Datin Che Normadiah Bte Hj.Che Abbas
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor

Ketua Editor :

Tn. Haji Mohd Rizal Bin Abu Samah
Penolong Pengarah
Unit Media & Inovasi Pendidikan

Penolong Editor :

Mohd Nasrul Hisyam Bin Zaukafali
Hussin Bin Kamiju

Penyelaras :

Hesam Bin Mohd Kasron – JPN Johor
Shanmuganathan A/L Suppiah - JPN Johor
Dawad Bin Sukimi - PPD Batu Pahat
Baba Bin Ismail – PPD Johor Bahru
Ahmad Bin Ali – PPD Pasir Gudang
Ayub Bin Ibrahim – PPD Kluang
Noor Azam Bin Mahat – PPD Kota Tinggi
Wan Nazri Bin Wan A Rahman – PPD Mersing
Lukman Bin Simon – PPD Muar
Mohd Rasyidi Bin Mohd Dom – PPD Ledang
Saleh Salim Bin A. Majid – PPD Pontian
S.Kanagalingam A/L P.Seeny – PPD Segamat
Hj. Mohd Dom Bin Dui – PPD Kulajaya

Fotografi dan Video:

Azhar Bin Taib
Jaafar Bin Kasiring

Grafik dan Reka Letak :

Mohd Zamri Bin Tumin

Manual Teknikal

Muhammad Hafifi Bin Redzuan
A. Ramlee Bin Md Johar
Ahmad Bin Robi
Dol Rahim Bin Nikmat

Urusetia Pelaksanaan :

Pusat Kegiatan Guru
Seluruh Negeri Johor

Fasilitator Bengkel :

Abd. Hafiz Bin Othman
Abul Az Bin Abu Jamil
Adham Rian Bin Sarobo
Adrian Ng Wen Yong
Ainun Binti Che Omar
Amiludin Bin Md Sahmin @ Arifin
Azhar Bin Abd Jalil
Badrulhisham Bin Abdullah
Bazliza Binti Sapar Ali
Chong Swee Zsuan
Haniza Binti Mohd Salim
Mazlinda Binti Mazlan
Md Syaiful Neezam Bin Md Seth
Mohd Faeiz Bin Sanusi
Mohd Hekmi Bin Halim
Mohd Izzat Bin Ismail
Mohd Shamsuri Bin Ismail
Mohd Zamri Bin Abdul Kadir
Musa Bin Muhamad
Ngiam Siew Lan
Noorfaezah Binti Abd Rahim
Nor Azita Binti Ahmad Fauthi
Nor Azlah Binti Mohd Jaafar
Norasmah Binti Abdullah
Norhaidi Binti Mohd Nordin
Norhudah Binti Latif
Noridah Binti Ramlan @ Rohan
Norliza Binti Salim
Norsolawati Binti Johar
Nur Diana Binti Zailan
Nur Munirah Binti Mokhtar
Nurul Hafiza Binti Yusof
Dr. Nurul Hidayah Liew Abdullah
Rajkumar A/L Ravi
Ramesh A/L Ramasamy
Rohana Binti Ahmad
Rokiah Binti Ahmad
Rosnita Binti Ariffin
Sarah Matilda Jayaprabha A/P David
Siti Halimah Binti Ab. Halim
Siti Mariam Binti Hj. Mohd Tuah
Wan Suziana Binti Wan A. Rahman
Zaleha Binti Masiman
Zamri Bin Katiman
Zeti Akhtar Bin Abd Kadir

KANDUNGAN

MUKA SURAT	ISI KANDUNGAN
	PRAKATA
	PERUTUSAN KETUA PENOLONG PENGARAH BTPN JOHOR
	LATAR BELAKANG <ul style="list-style-type: none">❖ Punca Kuasa❖ Jawatankuasa Induk MBMMBI
	MATLAMAT DAN OBJEKTIF
	PENGURUSAN PELAKSANAAN GALAKGUNA MBMMBI <ul style="list-style-type: none">❖ Kertas Konsep❖ Pelan Tindakan
	CONTOH RANCANGAN PELAJARAN HARIAN <ul style="list-style-type: none">❖ Bahasa Malaysia Sekolah Rendah
	CONTOH RANCANGAN PELAJARAN HARIAN <ul style="list-style-type: none">❖ Bahasa Malaysia Sekolah Menengah
	CONTOH RANCANGAN PELAJARAN HARIAN <ul style="list-style-type: none">❖ Bahasa Inggeris Sekolah Rendah
	CONTOH RANCANGAN PELAJARAN HARIAN <ul style="list-style-type: none">❖ Bahasa Inggeris Sekolah Menengah
	MANUAL TEKNIKAL BAHAN DIGITAL MBMMBI
	LAMPIRAN <ul style="list-style-type: none">❖ Instrumen Pemantauan❖ Pendekatan dan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran

PRAKATA

Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP-KPM) dipertanggungjawabkan untuk menghasilkan Bahan Digital dan Perisian Kandungan MBMMBI yang merupakan Bahan Sokongan PdP mulai 2010. Sebanyak 8,905 Set CD telah diedarkan ke sekolah meliputi Bahan Digital pembelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris bagi Sekolah Rendah berjumlah 5,346 set CD, bagi Sekolah Menengah berjumlah 1,574 set CD dan Pendidikan Khas berjumlah 769 set CD. Manakala 1,216 set CD Perisian Kandungan telah diedarkan di sekolah untuk digunakan di Makmal Bahasa.

Program Galak Guna MBMMBI 2015 dirangka khusus bagi meningkatkan kefahaman guru berhubung Bahan Sokongan MBMMBI serta mengenal pasti kaedah PdP yang sesuai dilaksanakan menggunakan Bahan Digital dan Perisian Kandungan MBMMBI melalui kerjasama Unit Akademik Pejabat Pendidikan Daerah. Stareti pelaksanaan bermula dengan Fasa 1 iaitu bengkel mengenal pasti PdP yang sesuai untuk diterapkan bersama bahan MBMMBI manakala Fasa 2 adalah penyebaran kaedah PdP menggunakan bahan MBMMBI melalui bengkel Peningkatan Profesional Pedagogi Guru Bahasa Malaysia dan Guru Bahasa Inggeris kendalian PPD.

Di Fasa 2, rakaman Pedagogi akan dibuat oleh Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor (BTPN Johor) sebagai dokumentasi "Best Teaching Practices MBMMBI 2015" untuk edaran sekolah-sekolah negeri Johor sebagai medium mempromosikan bahan tersebut. Pegawai Pusat Kegiatan Guru (PKG) akan bersama dalam penghasilan Modul Teknikal Bahan Digital & Perisian Kandungan MBMMBI

Maklumat bagi Program Galakguna MBMMBI 2015 adalah :

- Kolaborasi antara JPN-BTPN-PPD-PKG
- Telah diputuskan di Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Jabatan Pendidikan Negeri Johor bertarikh 1 Februari 2015
- Menerap kaedah PdP Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris menggunakan Bahan Digital dan Perisian Kandungan MBMMBI hasil kerjasama Pegawai Akademik Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)
- Program disebar luas kepada sasaran iaitu Guru Panita Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris melalui Bengkel Peningkatan Profesional Pedagogi Guru Bahasa Malaysia dan Guru Bahasa Inggeris.



Teknologi Untuk Pendidikan Bestari

TN .HJ. MOHD RIZAL BIN ABU SAMAH

Penolong Pengarah

Ketua Unit Media dan Inovasi Pendidikan

BTPN Johor



Perutusan Ketua Penolong Pengarah

BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan kiizinan-NYA Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor dapat menerbitkan Modul Galakguna MBMMBI Bahasa Malaysia bagi SK dan SMK dan Bahasa Inggeris bagi SK dan SMK yang pertama kali dihasilkan.

Dikesempatan ini saya ingin merakam ucapan tahniah dan jutaan terima kasih kepada Bahagian Pengurusan Akademik JPN Johor, PPD Akademik PPD Johor, Unit UMIP BTPN Johor, PKG Johor serta warga pendidik yang telah berusaha bersungguh-sungguh memastikan modul ini terhasil dengan jayanya. Modul yang telah terhasil ini merangkumi rancangan harian bagi setiap cd MBMMBI yang dibekalkan di sekolah.



Menyingkap kembali penghasilan modul ini bermatlamat untuk memberi pendedahan kepada guru-guru khususnya di negeri Johor dalam mendalami ilmu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) menggunakan bahan digital MBMMBI. Saya sangat yakin dan percaya dengan adanya modul MBMMBI ini dapat meningkatkan lagi keyakinan guru-guru dalam menggunakan bahan digital ini.

Selamat maju jaya dan salam sehati sejiwa.

DATIN CHE NORMADIAH BINTI CHE ABBAS

LATAR BELAKANG

Mesyuarat JK Induk MBMMBI Bil 3/2009 pada 5 Oktober 2009



MATLAMAT

Diharap dengan adanya Program Galak Guna MBMMBI akan memberi kefahaman dan pendedahan secukupnya kepada Guru Bahasa Malaysia dan Guru Bahasa Inggeris menggunakan Bahan Digital & Perisian Kandungan MBMMBI sebagai bahan sokongan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

OBJEKTIF

1. Meningkatkan kemahiran guru-guru dalam penggunaan bahan digital dan perisian kandungan MBMMBI dalam PdP
2. Meningkatkan kemahiran guru membuat Rancangan Pengajaran Harian menggunakan Bahan Digital MBMMBI
3. Merangsang minat guru-guru untuk menerima Bahan Digital MBMMBI sebagai medium atau bahan sokongan dalam PdP

KENAPA ? GURU JARANG GUNA

Saya ada bahan saya sendiri !

Bahan saya terbukti cemerlang...

CD MBMMBI...
Nak guna masa bila ?

Bagaimana nak guna CD MBMMBI ?



PENGURUSAN PELAKSANAAN



GALAKGUNA MBMMBI

KERTAS KONSEP**PROGRAM GALAK GUNA BAHAN DIGITAL DAN PERISIAN KANDUNGAN MBMMBI
2015****1. DIKEMUKAKAN KEPADA :**

Pengarah Jabatan Pendidikan Johor

2. DIKEMUKAKAN OLEH:

Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor

3. TUJUAN:

3.1 Menerap kaedah PdP Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris menggunakan Bahan Digital dan Perisian Kandungan MBMMBI hasil kerjasama Penyelia Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)

3.2 Program disebar luas kepada sasaran iaitu Guru Panita Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris melalui Bengkel Peningkatan Profesional Pedagogi Guru Bahasa Malaysia dan Guru Bahasa Inggeris.

4. PENGENALAN:

Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP-KPM) dipertanggungjawabkan untuk menghasilkan Bahan Digital dan Perisian Kandungan MBMMBI yang merupakan **Bahan Sokongan PdP** mulai 2010. Sebanyak 8,905 Set CD telah diedarkan ke sekolah meliputi Bahan Digital pembelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris bagi Sekolah Rendah berjumlah 5,346 set CD, bagi Sekolah Menengah berjumlah 1,574 set CD dan Pendidikan Khas berjumlah 769 set CD. Manakala 1,216 set CD Perisian Kandungan telah diedarkan di sekolah untuk digunakan di Makmal Bahasa.

Program Galak Guna MBMMBI 2015 dirangka khusus bagi meningkatkan kefahaman guru berhubung Bahan Sokongan MBMMBI serta mengenal pasti kaedah PdP yang sesuai dilaksanakan menggunakan Bahan Digital dan Perisian Kandungan MBMMBI melalui kerjasama Unit Akademik Pejabat Pendidikan Daerah. Staretgi pelaksanaan bermula dengan Fasa 1 iaitu bengkel mengenal pasti PdP yang sesuai untuk diterapkan bersama bahan MBMMBI manakala Fasa 2 adalah penyebaran kaedah PdP menggunakan bahan

MBMMBI melalui bengkel Peningkatan Profesional Pedagogi Guru Bahasa Malaysia dan Guru Bahasa Inggeris kendalian PPD.

Di Fasa 2, rakaman Pedagogi akan dibuat oleh Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor (BTPN Johor) sebagai dokumentasi “Best Teaching Practices MBMMBI 2015” untuk edaran sekolah-sekolah negeri Johor sebagai medium mempromosikan bahan tersebut. Pegawai Pusat Kegiatan Guru (PKG) akan bersama dalam penghasilan Modul Teknikal Bahan Digital & Perisian Kandungan MBMMBI

5. PELAKSANAAN

- a. Fasa 1 Bengkel Penghasilan PdP berbantuan Bahan Sokongan MBMMBI
Sasaran: Pegawai Akademik, Penyelia Bahasa PPD dan PKG

Hasil : Set PdP dan Modul Pembelajaran MBMMBI

- b. Fasa 2 Bengkel Peningkatan Profesional Pedagogi Guru Bahasa Malaysia dan Guru Bahasa Inggeris
Sasaran: Ketua/Guru Panitia Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

Hasil: DVD “Best Teaching Practices MBMMBI”

BIL	PROGRAM	TINDAKAN
1.	Fasa 1 Bengkel Penghasilan PdP berbantuan Bahan Sokongan MBMMBI 1 KPP BTPN 4 PP BTPN 4 Pegawai UMI, BTPN 1 Pegawai SPA-JPN 11 Pegawai Akademik PPD 44 Jurulatih Utama Bahasa 11 PTP PKG (Teknikal)	BTPN Johor (Pakej Hotel)
2.	Fasa 2 Bengkel Peningkatan Profesional Pedagogi Guru Bahasa Malaysia dan Guru Bahasa Inggeris (Peserta mengikut bilangan sekolah PPD masing-masing)	PPD

6. TENTATIF PROGRAM

a. Fasa 1 Bengkel Penghasilan PdP berbantuan Bahan Sokongan MBMMBI

Kumpulan 1:

Pegawai Akademik & Jurulatih Utama Bahasa

Menghasilkan Set PdP Bahasa Malaysia Sekolah Rendah

Kumpulan 2:

Pegawai Akademik & Jurulatih Utama Bahasa

Menghasilkan Set PdP Bahasa Malaysia Sekolah Menengah

Kumpulan 3:

Pegawai Akademik & Jurulatih Utama Bahasa

Menghasilkan Set PdP Bahasa Inggeris Sekolah Rendah

Kumpulan 4:

Pegawai Akademik & Jurulatih Utama Bahasa

Menghasilkan Set PdP Bahasa Inggeris Sekolah Menengah

Kumpulan 5:

Pegawai Akademik & Jurulatih Utama Bahasa

Menghasilkan Modul Set PdP MBMMBI

Kumpulan 6:

Pegawai PKG

Menghasilkan Modul Teknikal Penggunaan MBMMBI

b. Fasa 2 Bengkel Peningkatan Profesional Pedagogi Guru Bahasa Malaysia dan Guru Bahasa Inggeris

Kumpulan 1:

Pegawai Akademik & Jurulatih Utama Bahasa

Penerangan Set PdP MBMMBI

Kumpulan 2:

Pegawai PKG

Penerangan Modul Teknikal Penggunaan MBMMBI Set PdP MBMMBI

Kumpulan 3:

Pegawai BTPN/PKG

Rakaman "Best Teaching Practices MBMMBI".

7. CADANGAN JAWATANKUASA

7.1. Jawatan Kuasa Induk

- 7.1.1. Pengerusi : Pengarah Jabatan Pendidikan Johor
- 7.1.2. Naib Pengerusi : Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Johor
- 7.1.3. Setiausaha : Ketua Penolong Pengarah BTPN Johor
- 7.1.4. Jawatan Kuasa :
- i. Ketua Sektor JPN Johor
 - ii. Pegawai Pendidikan Daerah
 - iii. Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Akademik
 - iv. Penolong Pengarah BTPN Johor

7.2. Jawatan Kuasa Kerja (Daerah)

- 7.1.1. Pengerusi : Ketua Penolong Pengarah BTPN Johor
- 7.1.2. Naib Pengerusi : Ketua Sektor Pengurusan Akademik JPN Johor
- 7.1.3. Setiausaha : Penolong Pengarah Medai & Inovasi Pendidikan
- 7.1.4. Jawatan Kuasa :
- i. Pegawai Akademik PPD
 - ii. Pegawai Teknologi Pendidikan PKG
 - iii. Jurulatih Utama Bahasa Malaysia Rendah
 - iv. Jurulatih Utama Bahasa Malaysia Menengah
 - v. Jurulatih Utama Bahasa Inggeris Rendah
 - vi. Jurulatih Utama Bahasa Inggeris Menengah

8. IMPLIKASI KEWANGAN

Bil	PROGRAM	OS21000	OS29000	TINDAKAN
1	Mesyuarat JK Program Galak Guna MBMMBI 2015: Pengarah JPN TimbalanPengarah JPN KPP BTPN PP BTPN 4 Pegawai UMI, BTPN 11 PegawaiAkademik PPD 11 Penyelia Bahasa PPD 11 PTP PKG	30 org x RM100 3 org x RM30 = RM 3,090	40 org x RM12 = RM480	BTPN
2.	Fasa 1 Bengkel Penghasilan PdP berbantuan Bahan Sokongan MBMMBI 1 KPP BTPN 4 PP BTPN 4 Pegawai UMI, BTPN 1 Pegawai SPA-JPN 11 PegawaiAkademik PPD 44 JurulatihUtama Bahasa 11 PTP PKG (Teknikal)	65 org x RM 200 = RM 13,000.00	65 org x RM 120 x 3 hari = RM 23,400.00	BTPN Johor (Pakej Hotel)
3.	Fasa 2 Bengkel Peningkatan Profesional Pedagogi Guru Bahasa Malaysia dan Guru Bahasa Inggeris <i>(Peserta mengikut bilangan sekolah PPD masing-masing)</i>			PPD
4	Penghasilan Best Teaching (BTP) Practices MBMMBI Pegawai UMI, BTPM Pegawai PKG			BTPN
5	Pemantauan Pegawai UMI, BTPN Pegawai PKG			BTPN

9. PENUTUP

Diharap dengan adanya Program Galak Guna MBMMBI akan memberi kefahaman dan pendedahan secukupnya kepada Guru Bahasa Melayu dan Guru Bahasa Inggeris menggunakan Bahan Digital & Perisian Kandungan MBMMBI sebagai bahan sokongan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

10. PERTIMBANGAN DAN KELULUSAN YANG DIPOHON

BTPN Johor memohon pertimbangan Pengarah Jabatan Pendidikan Johor untuk meluluskan cadangan ;

PROGRAM GALAK GUNA BAHAN DIGITAL DAN PERISIAN KANDUNGAN MBMMBI 2015

11. KEPUTUSAN / ULASAN PENGARAH PENDIDIKAN JOHOR

Permohonan diluluskan / tidak diluluskan dengan syarat mematuhi semua Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa

(DATIN CHE NORMADIAH BTE CHE ABBAS)

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor

Tarikh:

BILANGAN SEKOLAH MENGIKUT DAERAH

BIL	PPD	SR	SM	JUMLAH
1	BATU PAHAT	144	31	175
2	JOHOR BAHRU	98	45	143
3	KLUANG	89	28	117
4	KOTA TINGGI	76	22	98
5	KULAI	53	18	71
6	LEDANG	67	16	83
7	MERSING	37	10	47
8	MUAR	104	24	128
9	PASIR GUDANG	71	36	107
10	PONTIAN	82	16	98
11	SEGAMAT	85	25	110
	JUMLAH			1177

BILANGAN SUMBER TENAGA

BIL	PPD	PPPD	JU	SISC	JUMLAH
1	BATU PAHAT	2	4	3	9
2	JOHOR BAHRU	2	4	3	9
3	KLUANG	2	4	3	9
4	KOTA TINGGI	2	4	3	9
5	KULAI	2	4	3	9
6	LEDANG	2	4	3	9
7	MERSING	2	4	3	9
8	MUAR	2	4	3	9
9	PASIR GUDANG	2	4	3	9
10	PONTIAN	2	4	3	9
11	SEGAMAT	2	4	3	9
	JUMLAH				99

PROSES KERJA

BIL	AKTIVITI	TINDAKAN	KEPERLUAN
1	Mesyuarat Penyelarasan	BTPN	Panduan penggunaan Bahan Digital MBMMBI
2	Bengkel kerja untuk JU	BTPN	
3	Mesyuarat penyelarasan daerah	PPD	
4	Taklimat pelaksanaan program kepada PGB	PPD	Surat program, Maklumat program
5	Bengkel kerja peringkat daerah	PPD/JU/SISC	Bahan Digital, panduan penggunaan Bahan Digital MBMMBI
6	Pelaksanaan LDP peringkat sekolah	Sekolah	Borang penggunaan Bahan Digital
7	Pelaksanaan pemantauan ke sekolah	PPD	Instrumen Standard 4 SKPM, senarai semak penggunaan Bahan Digital
8	Pelaporan pelaksanaan program di sekolah	Sekolah	Borang pelaporan penggunaan Bahan Digital
9	Pelaporan pemantauan	PPD	Analisis pemantauan PPD dan PKG
10	Pelaporan penggunaan bahan digital	BTPN	Analisis pemantauan penggunaan Bahan Digital MBMMBI

PELAN TINDAKAN PROGRAM PERINGKAT DAERAH

PROGRAM	PROGRAM GALAK GUNA BAHAN DIGITAL MBMMBI
OBJEKTIF	MENGALAKKAN PENGGUNAAN BAHAN DIGITAL MBMMBI DALAM PnP BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA INGGERIS

Bil	Aktiviti	Sasaran	Status Pelaksanaan											Tanggungjawab					
			1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	BTPN	SPA	UPA	SEK		
1	Mesyuarat Penyelarasan Peringkat Negeri	BTPN, SPA, UPA														A	B		
2	Bengkel Kerja	BTPN, SPA, UPA, JU														A	B		
3	Mesyuarat Peringkat Daerah	UPA, JU, PKG																A	
4	Taklimat Program Galak Guna Bahan Digital	PGB																A	
5	Bengkel Kerja B.Malaysia Rendah	KP BM SR																A	
6	Bengkel Kerja B.Inggeris Rendah	KP BI SR																A	
7	Bengkel Kerja B.Malaysia Menengah	KP BM SM																A	
8	Bengkel Kerja B.Inggeris Menengah	KP BI SM																A	
9	Pelaksanaan LDP Penggunaan Bahan Digital	Panitia BM/BI SR																	A
10	Pelaksanaan LDP Penggunaan Bahan Digital	Panitia BM/BI SM																	A
11	Pemantauan Penggunaan Bahan Digital	UPA, PKG															B	A	
12	Pelaporan Penggunaan Bahan Digital	Panitia BM/BI																	A
13	Mesyuarat Pelaporan Pemantauan	BTPN, SPS, UPA														A		B	

PELAN TINDAKAN PROGRAM PERINGKAT SEKOLAH

Bil	Aktiviti	Sasaran	Status Pelaksanaan											Tanggungjawab					
			1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	PGB	KPBM	KPBI			
1	Mesyuarat MBMMBI Peringkat Sekolah	PGB, GPK, Panitia BM/BI															A		
2	Pelaksanaan LDP Penggunaan Bahan Digital	Panitia BM/BI SR																A	A
3	Pelaksanaan LDP Penggunaan Bahan Digital	Panitian BM/BI SM																A	A
4	Pemantauan Penggunaan Bahan Digital	UPA, PKG															A		
5	Pelaporan Penggunaan Bahan Digital	Panitia BM/BI																A	A
6	Mesyuarat Pelaporan	BTPN, SPA, UPA																A	A

PERUNTUKAN PELAKSANAAN PROGRAM MENGIKUT DAERAH

BIL	PPD	MP	PPPD	JU	SISC	SR/SM	JUMLAH PESERTA	KADAR	JUMLAH	JUMLAH BESAR
1	BATU PAHAT	BM	2	1	3	144	150	12.00	1800.00	4,444.00
		BI	2	1	3	144	150	12.00	1800.00	
		BM	2	1	1	31	35	12.00	420.00	
		BI	2	1	1	31	35	12.00	420.00	
2	JOHOR BAHRU	BM	2	1	3	98	104	12.00	1248.00	3,672.00
		BI	2	1	3	98	104	12.00	1248.00	
		BM	2	1	1	45	49	12.00	558.00	
		BI	2	1	1	45	49	12.00	558.00	
3	KLUANG	BM	2	1	3	89	95	12.00	1140.00	3,048.00
		BI	2	1	3	89	95	12.00	1140.00	
		BM	2	1	1	28	32	12.00	384.00	
		BI	2	1	1	28	32	12.00	384.00	
4	KOTA TINGGI	BM	2	1	3	76	82	12.00	984.00	2,592.00
		BI	2	1	3	76	82	12.00	984.00	
		BM	2	1	1	22	26	12.00	312.00	
		BI	2	1	1	22	26	12.00	312.00	
5	KULAI	BM	2	1	3	53	59	12.00	708.00	1,944.00
		BI	2	1	3	53	59	12.00	708.00	
		BM	2	1	1	18	22	12.00	264.00	
		BI	2	1	1	18	22	12.00	264.00	
6	LEDANG	BM	2	1	3	67	73	12.00	876.00	2,232.00
		BI	2	1	3	67	73	12.00	876.00	
		BM	2	1	1	16	20	12.00	240.00	
		BI	2	1	1	16	20	12.00	240.00	

7	MERSING	BM	2	1	3	43	43	12.00	516.00	1,366.00
		BI	2	1	3	43	43	12.00	516.00	
		BM	2	1	1	14	14	12.00	168.00	
		BI	2	1	1	14	14	12.00	168.00	
8	MUAR	BM	2	1	3	110	110	12.00	1320.00	3,312.00
		BI	2	1	3	110	110	12.00	1320.00	
		BM	2	1	1	28	28	12.00	336.00	
		BI	2	1	1	28	28	12.00	336.00	
9	PASIR GUDANG	BM	2	1	3	77	77	12.00	924.00	2,808.00
		BI	2	1	3	77	77	12.00	924.00	
		BM	2	1	1	40	40	12.00	480.00	
		BI	2	1	1	40	40	12.00	480.00	
10	PONTIAN	BM	2	1	3	88	88	12.00	1056.00	2,592.00
		BI	2	1	3	88	88	12.00	1056.00	
		BM	2	1	1	20	20	12.00	240.00	
		BI	2	1	1	20	20	12.00	240.00	
11	SEGAMAT	BM	2	1	3	91	91	12.00	1092.00	2,880.00
		BI	2	1	3	91	91	12.00	1092.00	
		BM	2	1	1	29	29	12.00	348.00	
		BI	2	1	1	29	29	12.00	348.00	
JUMLAH PERUNTUKAN PROGRAM							2572			30,888.00

RANCANGAN PELAJARAN HARIAN BAHASA MALAYSIA




SEKOLAH RENDAH

CONTOH 1

Mata pelajaran	Bahasa Malaysia
Kelas	2 Bestari
Tema/ Tajuk	Keluarga / Keluarga Huda
Masa	7.30 pagi – 8.30 pagi
Standard Pembelajaran	1.2.2 : Mendengar dan menyebut bunyi vokal dan suku kata terbuka dengan betul dan tepat.
Objektif	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran murid dapat; i. Mendengar dan menyebut suku kata terbuka dengan betul dan tepat.
Pengisian Kurikulum	i. Ilmu : Pendidikan Moral ii. Nilai : menghargai, menyayangi iii. KBT : kinestetik, verbal linguistik, muzik, hubung kait, menjana idea iv. EMK - TMK
Sistem Bahasa	Kata nama am
Bahan Bantu Belajar	kad perkataan, lembaran kerja, peralatan TMK ,CD interaktif BTPN

AKTIVITI	PENGISIAN KURIKULUM	CATATAN / PANDUAN GURU
SET INDUKSI 1. Menyanyi lagu suku kata berbantuan muzik dengan bimbingan guru .	KBT: muzik	1. Lirik lagu “Saya ada bola”. (<u>Lampiran 1</u>)
LANGKAH 1 1. Murid mengujarkan suku kata terbuka dengan bantuan slaid. 2. Murid mengujar suku kata berdasarkan gambar yang dipaparkan dalam slaid.	KBT(KP): Verbal Linguistik	1. Permainan buka tutup suku kata dengan huruf vokal. Ba,be,bi,bu,be,bo 2. Baba, biru, bola (CD Interaktif BTPN)
LANGKAH 2 1. Murid membatang suku kata menjadi perkataan.	KBT(TKP): Hubung kait Verbal linguistik SB: Kata nama am	1. Contoh: Baba ada bola. bola Baba biru.

<p>LANGKAH 3</p> <p>1. Murid mengeja dan membatang suku kata terbuka yang betul berdasarkan gambar.</p>	<p>KBT(TKP): Verbal linguistik</p>	<p>(CD Interaktif BTPN)</p>
<p>LANGKAH 4</p> <p>1. Murid mengisi tempat kosong dengan suku kata yang betul berdasarkan gambar.</p>	<p>KBT(TKP): Verbal linguistik</p>	<p>(CD Interaktif BTPN)</p>
<p>PENILAIAN</p> <p>1. Murid mengujarkan suku kata terbuka.</p>		
<p>PENUTUP</p> <p>1. Murid Mencari benda tersembunyi menggunakan perisian CD interaktif .</p>		<p>(CD Interaktif BTPN)</p>
<p>PEMULIHAN</p> <p>1. Permainan "Cawan Suku Kata".</p>		 <p>(Lampiran 2)</p>
<p>PENGAYAAN</p> <p>1. Permainan membina perkataan menggunakan kad suku kata terbuka.</p>	<p>KBT(TKP): Visual ruang</p>	<p>Kad Suku Kata (Lampiran 3)</p>

CONTOH 2

MATA PELAJARAN	BAHASA MALAYSIA
KELAS	TAHUN 2 ARIF
TEMA / TAJUK	Sihat dan Cergas / Bersenam Menyihatkan Badan
MASA	10.10 pagi - 11.10 pagi

STANDARD PEMBELAJARAN	2.6.2 Membaca dan memahami pelbagai bahan bacaan berbentuk didik hiburan untuk menambahkan ilmu dan kosa kata.
OBJEKTIF PEMBELAJARAN	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran murid dapat; 1. Membaca dan mengenal pasti kosa kata daripada pelbagai bahan bacaan berbentuk didik hiburan.

PENGISIAN KURIKULUM	TMK : CD MBMMBI Tahun 3, Tajuk 1 "Mari Bersenam" KB : menjana idea, kontekstual, mengenal pasti KP : kinestatik, verbal linguistik EMK : kreativiti dan inovasi
SISTEM BAHASA	Kosa Kata: Kata Kerja : goyang, petik, pusing, pimpin, salam, hulur Kata Nama Am : jeti, angin, mangga, tongkat, nenek Kata Adjektif : putih, cerdas, kemas, sihat, pendek, bersih,
BAHAN BANTU BELAJAR	CD MBMMBI Tahun 3 Komputer Riba dan Projektor

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

AKTIVITI	PENGISIAN KURIKULUM	CATATAN
<p>SET INDUKSI</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Murid menonton slaid. Tajuk "Burung Kenek-Kenek" 2. Mengaitkan dengan isi pelajaran. <p>LANGKAH AKTIVITI</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen yang ditetapkan seperti stesen sajak, lagu dan pantun secara bergilir. 2. Murid melakukan aktiviti berdasarkan kad arahan yang berbeza mengikut stesen. Contoh : STESEN LAGU <ul style="list-style-type: none"> - Arahan 1 - Baca dengan teliti bahan tersebut. - Arahan 2 - Kenal pasti lima kata kerja. - Arahan 3 - Garis kata kerja tersebut. - Arahan 4 - Melengkapkan peta pemikiran. 3. Wakil setiap kumpulan membuat pembentangan berdasarkan peta pokok yang lengkapkan. 4. Murid membuat persembahan dengan mencipta gerakan berdasarkan kosa kata dalam lirik lagu mengikut kreativiti kumpulan. 	<p>TMK KB : Kontekstual</p> <p>KP : Kinestatik</p> <p>KB : Menjana idea KB : Mengenal pasti</p> <p>KBAT</p> <p>KP : Verbal Linguistik</p> <p>KP : Kinestatik</p>	<p>CD MBMMBI Tahun 3</p> <p>Tajuk 1 -Mari Bersenam</p> <p>Peta Pokok:</p>

BAHAN BANTU BELAJAR	CD MBMMBI Tahun 3 Komputer Riba dan Projektor Sajak, Pantun, Lirik Lagu Kad arahan
PENILAIAN PdP	Murid membaca dan mengenal pasti kosa kata.
REFLEKSI	PdP berjalan lancar mengikut perancangan. 27/30 orang murid membaca dan mengenal pasti kosa kata daripada pelbagai bahan bacaan berbentuk didik hibur. Tiga orang murid diberi bimbingan secara individu.

PENGISIAN KURIKULUM	TMK : CD KB : menjana idea ILMU : Matematik NILAI : Menghargai seni	
SISTEM BAHASA	Frasa dan ayat	
BAHAN BATU BELAJAR	Cakera Padat, Lembaran Peta Buih, Lembaran Peta Alir, frasa ayat	
PENILAIAN PDP	Mendengar, memahami dan menyebut frasa dan ayat dengan struktur binaan ayat yang betul dan tepat.	
PENTAKSIRAN		
REFLEKSI	25/30 orang murid dapat menguasai kata panggilan. Lima orang murid lagi akan diberi bimbingan.	

Lampiran 1

Eh Wau bulan,

Eh Wau bulan,

Wau bulan teraju tiga,

Eh Wau bulan , Eh Wau bulan

Wau bulan teraju tiga.

Ini malam sama-sama.

Sama-sama bersuka ria,


Ini malam sama-sama,

Sama-sama bersukaria.

Lampiran 2

Peta Alir

Mari Bermain Congkak




Lampiran 3

Kad Frasa dan Ayat

1. Permainan congkak, terdapat dua bahan iaitu papan congkak dan buah congkak.
2. Dua orang pemain diperlukan dan berkedudukan mengadap satu sama lain.
3. Panjang papan congkak tujuh lubang biasanya sekitar 80 cm dan lebarnya 18 cm.
4. Biji getah atau guli akan diisikan dalam setiap kampung dengan sama banyak dan rumah dibiarkan kosong.
5. Pemain memasukkan secara satu persatu buah congkak ke dalam setiap 'kampung' menuju ke rumah masing-masing menurut arah pusingan jam.
6. setiap pemain akan bergilir berjalan sehingga buahnya mati

Lampiran 4 (Peta Buih)



Soalan Set Induksi

1. Apakah tajuk lagu ini ?
2. Namakan permainan yang terdapat dalam lagu ini ?
3. Sebutkan permainan tradisional yang pernah anda main ?

CONTOH 4

TEMA	Amalan Kesihatan dan Kebersihan
TAHUN	4 Bijak
TAJUK	Amalan Hidup Sihat
MASA	9.30 – 10.30 pagi
STANDARD PEMBELAJARAN	4.1.2 Memahami dan menghasilkan lirik lagu yang mengandungi nilai dan pengajaran secara berpandu
OBJEKTIF	Pada akhir pembelajaran ini , murid akan dapat : i. Menghasilkan lirik lagu yang mengandungi nilai murni mengikut tema yang diberikan oleh guru.
AKTIVITI	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid mendengar lagu yang dimainkan daripada CD MBMMBITahun 4 Tajuk 1: Semangat Berpasukan 2. Murid menyanyi mengikut lagu yang dimainkan. 3. Murid membina kerangka lirik lagu secara berkumpulan menggunakan peta bulatan. 4. Murid membina lirik lagu tentang cara-cara menjaga kebersihan diri dan nilai murni dalam kumpulan berempat mengikut melodi "Air Pasang Dalam". 5. Wakil kumpulan membentangkan lirik lagu yang dibina di hadapan kelas. Kemudian, guru membuat pemurnian. 6. Murid menyanyikan lagu yang dicipta di hadapan kelas dan murid lain memberi markah. Kumpulan yang mendapat markah tertinggi akan diberi hadiah. <p><u>Pemulihan:</u> Murid menggarisi nilai dan aktiviti yang menunjukkan gaya hidup sihat yang terdapat dalam lirik lagu.</p> <p><u>Pengayaan:</u> Murid menyenaraikan manyenaraikan kebaikan mengamalkan gaya hidup sihat dalam bentuk peta buih.</p>
PENGISIAN KURIKULUM	Ilmu : Pendidikan Kesihatan Nilai : Kebersihan fizikal dan mental KB : Menjana idea BCB : Mendengar dengan cekap KP : Verbal linguistik <i>i-Think</i> : Peta buih, peta bulatan
BAHAN BANTU BELAJAR	CD MBMMBI, papan putih, pen marker, lirik lagu, komputer riba, pembesar suara, LCD.
PENILAIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	Menghasilkan lirik lagu yang mengandungi nilai dan pengajaran berpandukan tema yang diberi oleh guru.
REFLEKSI	

CONTOH 5

MATA PELAJARAN / KELAS	Bahasa Malaysia Tahun 5 Cemerlang
TEMA	Keluarga Berwawasan
TAJUK	Pantun Nasihat (CD MBM : Tajuk 2: Tanaman Organik –Seni Bahasa)
MASA	8.20 – 9.20 pagi
STANDARD KANDUNGAN	3.2 Menulis huruf, suku kata, perkataan,frasa dan ayat secara mekanis dengan betul dan kemas
STANDARD PEMBELAJARAN	3.2.6 Menulis teks puisi secara mekanis dengan betul dan kemas
OBJEKTIF	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran ini, murid akan dapat:- 1. Menulis 3 rangkap pantun empat kerat secara mekanis dengan betul dan kemas.
AKTIVITI	<ol style="list-style-type: none"> 1. Set Induksi : Murid menjawab pantun teka teki yang diperdengarkan oleh guru. 2. Murid mendengar pantun yang diperdengarkan oleh guru menggunakan bahan CD MBM. 3. Murid menulis semula pembayang yang terdapat dalam pantun yang ditayangkan daripada CD MBM . 4. Murid menulis semula maksud pantun yang ditayangkan daripada CDMBM. 5. Murid menulis 3 rangkap pantun secara mekanis berpandukan pantun yang ditayangkan daripada CD. 6. Pertandingan menulis pantun secara mekanis. Murid menyalin pantun dalam kertas mahjong secara kumpulan berempat. Wakil kumpulan memaparkan hasil kerja kumpulan . Murid lain memberikan markah . (Didik Hibur) 7. Penutup : Menyanyikan lagu Rasa Sayang dan pantun nasihat yang telah dipelajari. (Didik Hibur) 8. Pengayaan : Murid melengkapkan dua rangkap pantun dengan pembayang dan maksud yang disediakan. (KBAT) <p>Pemulihan : Murid melengkapkan rima akhir bagi 2 rangkap pantun.</p>
PENGISIAN KURIKULUM	Ilmu : Sastera Nilai : Kerjasama, baik hati, hormat EMK : TMK KB : Mengaplikasi

	BCB : Menulis mekanis TKP : Verbal linguistik SB : Tanda baca
BAHAN BANTU BELAJAR	LCD, computer riba, CD, kertas mahjong / kad papan putih, pen maker dan kembaran kerja.
PENILAIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	Murid dapat menulis 3 rangkap pantun secara mekanis dengan menggunakan tanda baca dan ejaan yang betul.
REFLEKSI	

LEMBARAN KERJA (PENGAYAAN)
BAHASA MELAYU TAHUN 5

Lengkapkan pantun di bawah dengan pembayang dan maksud yang paling betul dan tepat .
Tulis dengan betul dan kemas.

Dari muda sampai ke tua,
Ajaran baik jadikan pedoman.

Merah meranum si buah lada,
Ditumbuk lumat untuk dimakan.

Tumbuh subur pohon kelapa,
Tinggi menjulang tengah halaman.

Bertemu rakan beramah mesra,
Erat hubungan sejahtera insan.

Pantun 1:

Kelapa muda dibelah dua,
Mari dimakan bersama teman,

_____ ,
_____ .

Pantun 2:

_____ ,
_____ .

Walau banyak ilmu di dada,
Ilmu akhirat jangan dilupakan.

LEMBARAN KERJA (PEMULIHAN)
BAHASA MELAYU TAHUN 5

Lengkapkan pantun di bawah dengan rima akhir yang betul dan tepat . Tulis dengan betul dan kemas.

indah

kelapa

tuhan

susah

hati

mati

Pantun 1:

Tumbuh tebu tepian _____,
Tekukur hinggap celahan dahan,
Hormatilah ibu dan juga bapa,
Barulah hidup dirahmati _____.

Pantun 2:

Pisang sesikat di atas peti,
Marum mekar dihias _____,
Hidup muafakat bersatu _____,
Kerja sukar menjadi mudah.

PERTANIAN (Sila klik butang "MAIN" untuk memulakan aktiviti.)
SENI BAHASA

PANTUN NASIHAT



Baik-baik mengail tenggiri,
Takut terkena si ikan parang;

Navigation icons: Home, Back, Forward, Stop, Play, Mute, Volume, Full Screen, Print, Refresh, Close.

PERTANIAN (Sila klik butang "MAIN" untuk memulakan aktiviti.)
SENI BAHASA

PANTUN NASIHAT




Baik-baik merendah diri,
Jangan menjadi hamba orang.

Navigation icons: Home, Back, Forward, Stop, Play, Mute, Volume, Full Screen, Print, Refresh, Close.

PERTANIAN (Sila klik butang "MAIN" untuk memulakan aktiviti.)
SENI BAHASA

PANTUN NASIHAT



Bintang tujuh sinar berseri,
Bulan purnama datang menerpa;

Navigation icons: Home, Back, Forward, Stop, Play, Mute, Volume, Full Screen, Print, Refresh, Close.

PERTANIAN Taruman Organik **SENI BAHASA** (Sila klik butang "MAIN" untuk memulakan aktiviti.)

PANTUN NASIHAT



Ajaran guru hendak dicari,
Mana yang dapat janganlah lupa.

Navigation icons: back, forward, search, print, etc.

PERTANIAN Taruman Organik **SENI BAHASA** (Sila klik butang "MAIN" untuk memulakan aktiviti.)

PANTUN NASIHAT



Pisang kelat digonggong helang,
Jatuh ke lubuk di Indragiri;

Navigation icons: back, forward, search, print, etc.

PERTANIAN Taruman Organik **SENI BAHASA** (Sila klik butang "MAIN" untuk memulakan aktiviti.)

PANTUN NASIHAT



Jika berdagang di rantau orang,
Baik-baik menjaga diri.

Navigation icons: back, forward, search, print, etc.

PERTANIAN
Tanaman Organik

SENI BAHASA (Sila klik butang "MAIN" untuk memulakan aktiviti.)

PANTUN NASIHAT



Buat bangsal di Pulau Daik,
Menahan taut sambil mengilau;

Navigation icons: Home, Back, Forward, Refresh, Print, Share, etc.

PERTANIAN
Tanaman Organik

SENI BAHASA (Sila klik butang "MAIN" untuk memulakan aktiviti.)

PANTUN NASIHAT




Kalau asal benih yang baik,
Jatuh ke laut menjadi pulau.

Navigation icons: Home, Back, Forward, Refresh, Print, Share, etc.

PERTANIAN
Tanaman Organik

SENI BAHASA (Sila klik butang "MAIN" untuk memulakan aktiviti.)

PANTUN NASIHAT



Bila memandang ke muka laut,
Nampak sampan mudik ke hulu;

Navigation icons: Home, Back, Forward, Refresh, Print, Share, etc.

CONTOH 6

TEMA	Kesihatan dan Kebersihan	
TAHUN	5 Bijak	
TAJUK	1 Malaysia Membanteras Dadah	
MASA	9.30 – 10.30 pagi	
STANDARD PEMBELAJARAN	2.5.1 (K3)	Membaca dan memahami maklumat yang terdapat dalam bahan puisi dengan betul.
OBJEKTIF	<p>Pada akhir pembelajaran ini , murid akan dapat:</p> <p>Membaca dan menyenaraikan maklumat yang terdapat dalam bahan puisi dengan betul.</p>	
AKTIVITI	<ol style="list-style-type: none"> Murid menonton klip iklan Kempen Anti Dadah dan bersoal jawab mengenainya. <div data-bbox="587 831 1098 1115" data-label="Image"> </div> Murid membaca pesanan pada akhir iklan dan menyatakan maksudnya. <div data-bbox="587 1249 1110 1541" data-label="Image"> </div> Murid membaca bait-bait sajak daripada CD MBMMBI 1 Malaysia Membanteras Dadah secara bacaan senyap. <div data-bbox="587 1675 1129 1935" data-label="Image"> </div> Murid membaca bait-bait sajak daripada CD secara kuat dengan mengikut intonasi penyajak dalam CD. 	

	<div data-bbox="587 232 975 589" data-label="Image"> </div> <ol style="list-style-type: none"> 5. Murid membaca bait-bait sajak daripada CD MBMMBI 1 Malaysia Membanteras Dadah secara bacaan mekanis dengan bimbingan guru. 6. Murid menyenaraikan maklumat mengenai tanggung jawab seorang warganegara untuk memastikan negara terus maju dengan menggunakan peta pemikiran peta buih secara kumpulan. <div data-bbox="616 880 946 1055" data-label="Diagram"> </div> <ol style="list-style-type: none"> 7. Murid membacakan maklumat yang telah disenaraikan. <p>Pemulihan: Murid membina ayat majmuk menggunakan perkataan yang diberikan oleh guru.</p> <p>Pengayaan: Murid melengkapkan ayat dengan pilihan jawapan yang disediakan.</p>
<p>PENGISIAN KURIKULUM</p>	<p>Ilmu : Pendidikan kesihatan Nilai : Kebersihan Fizikal dan Mental EMK : Patriotisme KB : Menganalisis BCB : Bacaan mekanis KBAT: Peta Buih.</p>
<p>BAHAN BANTU BELAJAR</p>	<p>CD MBMMBI, kertas mahjong, pen marker, sajak , komputer riba, pembesar suara, LCD.</p>
<p>PENILAIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN</p>	<p>Murid membacakan maklumat yang telah disenaraikan.</p>
<p>REFLEKSI</p>	

1MALAYSIA MEMBANTERAS DADAH

Sajak : 1 Malaysia Membanteras Dadah
Oleh : Mozza Abdullah




Setelah puluhan tahun kita merdeka
Setelah satu demi satu pemimpin negara silih berganti
Wajah Tanah Melayu, menjadi Malaya dan kini Malaysia
Mengapa masih lagi ku dengar Bangsaku menjadi hamba di buminya sendiri
Mengapa masih lagi ku baca Bangsaku menjadi sampah di lorong-lorong sunyi
Mengapa masih lagi ku baca Bangsaku membinasakan dirinya sendiri.


Wahai bangsaku ... bangkitlah
Dari pembaringan dan lena yang panjang
Sahutlah cabaran dunia global tanpa sempadan
Yang paksinya ilmu
Yang lantainya iman
Yang dindingnya intipati jati diri bangsa Malaysia.

Generasi muda hari ini
Adalah wajah negara masa hadapan
Kalaupun kalian tidak boleh menjadi angkasawan
Jadilah seorang cedikiawan
Yang katanya menjadi rujukan
Yang lakunya menjadi ikutan
Yang matinya dikenang dan menjadi tangisan
Sekurang-kurangnya kita nanti akan memberi makna.

Negaraku, negara bemarkah
Carilah manhajmu sendiri
Dalam kita membina dan membangunkan Negara-bangsa
Bukan hanya menerima acuan dari barat
Yang budayanya asing dalam pandangan
Yang adabnya canggung dalam amalan
Yang tuturnya memesongkan lidah kelimuran
Jadilah kita masyarakat 1 Malaysia
Yang mampu melahirkan modal insan gemilang
Untuk sama-sama membanteras najis dadah
Kerana kita sebenarnya ada maruah untuk dipanggil manusia.

CONTOH 7

TEMA	Patriotisme dan Kewarganegaraan	
TAHUN	5 Bijak	
TAJUK	Negara yang Kusayang	
MASA	9.30 – 10.30 pagi	
STANDARD PEMBELAJARAN	4.1.1	Menyebut dan menyatakan nilai daripada lirik lagu yang dinyanyikan.
OBJEKTIF	Pada akhir pembelajaran ini , murid akan dapat : 1. Menyebut nilai daripada lirik lagu yang dinyanyikan. 2. Menyenaikan nilai daripada lirik lagu yang dinyanyikan.	
AKTIVITI	<ol style="list-style-type: none"> Murid ditunjukkan logo 1Malaysia dan bersoal jawab mengenainya. <div style="text-align: center;">  <p>Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan</p> </div> Murid ditayangkan dan diperdengarkan Pantun Lagu 1Malaysia. (CD MBM) <div style="text-align: center;">  </div> Murid membaca lirik lagu Pantun Lagu 1Malaysia. <div style="text-align: center;">  </div> Murid berbincang dalam kumpulan dan mengesan nilai-nilai murni dalam lirik lagu. Murid menyenaikan nilai murni menggunakan peta pemikiran (peta buih) yang terdapat dalam masyarakat Malaysia berdasarkan lirik lagu secara berkumpulan. 	



6. Murid membentangkan nilai murni hasil perbincangan dalam kumpulan berdasarkan peta buih di hadapan kelas.
7. Murid menyenaraikan nilai murni hasil daripada perbincangan semua kumpulan secara lisan.
8. Murid menyanyikan lagu Pantun Lagu 1Malaysia.



Pemulihan:

Murid menggariskan ayat yang mengandungi nilai murni dengan bimbingan guru.

Pengayaan:

Murid melengkapkan lirik lagu yang mengandungi nilai murni.

PENGISIAN KURIKULUM	Ilmu : Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan Nilai : Patriotisme EMK : Kenegaraan dan Kewarganegaraan KB : Menganalisis BCB : Bacaan imbasan KBAT: Peta Buih.
BAHAN BANTU BELAJAR	CD MBMMBI, kertas mahjong, pen marker, lirik lagu, komputer riba, pembesar suara, LCD.
PENILAIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	Murid menyenaraikan kesemua nilai murni yang telah dibentangkan secara lisan.
REFLEKSI	

RANCANGAN PELAJARAN HARIAN BAHASA MALAYSIA



SEKOLAH MENENGAH

CONTOH 1

TEMA	KOMSAS		PANDUAN
TAHUN	1 Alfa		
TAJUK	Pantun		
MASA	8.20 pagi – 9.20 pagi (80 Minit)		
KEMAHIRAN	Fokus Utama:	10.0 Memahami dan memberikan respons peribadi tentang karya sastera	
	Fokus Sampingan:	10.3 Menyatakan bentuk dan nada puisi. 10.5 Menghuraikan maksud, gaya bahasa dan unsur bunyi dalam puisi <u>Aras 1</u> Menyatakan jenis, ciri, bentuk dan nada puisi.	
OBJEKTIF	Pada akhir pengajaran, murid dapat : 1. Menganalisis bentuk pantun. 2. Membina satu rangkap pantun 3. Membina ayat daripada kata sifat.		
AKTIVITI	<u>Set Induksi</u> (10 minit) 1. Guru menunjukkan paparan video penggunaan pantun dalam adat Meminang (CD MBM : Topik 4 Karya Puisi Butang Konsep) 2. Guru dan murid bersoal jawab tentang video tersebut. 3. Guru menerangkan objektif pengajaran yang perlu dicapai pada hari ini.		Kooperatif Kolaboratif
	<u>Langkah 1</u> (10 minit) 1. Murid diberikan kad yang telah dipotong. Guru Meminta murid memadankan setiap rangkap dengan maksud pantun. 3. Murid diminta menulis nombor turutan yang betul pada hujung kad tersebut. 4. Murid diminta menukar kertas jawapan dengan kumpulan lain. Kumpulan lain menanda kertas tersebut mengikut jawapan yang diberi oleh guru		

	<p><u>Langkah 2</u> (20 minit)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Guru memaparkan video yang mengandungi analisis bentuk pantun. (Rujukan MBM: Topik 4 Karya Puisi Butang Aktiviti) 2. Seterusnya murid diminta merujuk pantun Nasihat dalam Antologi Kuingin Berterima Kasih dan menyatakan bentuk pantun (bilangan rangkap, bilangan baris, jumlah perkataan dalam baris, bilangan suku kata, dan rima). 3. Murid diminta menuliskan maklumat tersebut dalam peta pokok. Murid diminta bertukar jawapan mereka dengan kumpulan lain. Guru menayangkan jawapan. Setiap kumpulan menyemak jawapan kumpulan lain dan memberikan markah 	<p>Kooperatif</p> <p>Kolaboratif</p>					
	<p style="text-align: center;">PANTUN</p> <p style="text-align: center;">Bentuk</p> <table border="0" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td>Jumlah Rangkap</td> <td>Jumlah Baris</td> <td>Bilangan Perkataan</td> <td>Bilangan Suku Kata</td> <td>Rima</td> </tr> </table> <p style="text-align: center;">TAJUK: PANTUN NASIHAT i-Think: Peta Pokok</p>	Jumlah Rangkap	Jumlah Baris	Bilangan Perkataan	Bilangan Suku Kata	Rima	<p>KBAT Aplikasi & Sintesis</p> <p>Didik Hibur: Pertandingan Pantun</p>
Jumlah Rangkap	Jumlah Baris	Bilangan Perkataan	Bilangan Suku Kata	Rima			
	<p><u>Langkah 3</u> (10 minit)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Setiap kumpulan diminta menghasilkan satu rangkap pantun dua kerat mengikut tema yang diperoleh menerusi undian. 2. Setiap kumpulan diminta mempersembahkan hasil kerja berkumpulan. 3. Kumpulan lain memberikan markah mengikut borang pemarkahan yang disediakan. 4. Murid memberikan ulasan secara ringkas dan ganjaran bintang 	<p>Ganjaran</p>					

	<p><u>Langkah 4</u> (20 minit)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Setiap kumpulan diminta menyenaraikan kata kerja dan kata adjektif yang terdapat dalam pantun Nasihat. 2. Murid menyemak jawapan yang dipaparkan oleh guru. 3. Setiap kumpulan diminta membina satu ayat daripada setiap perkataan yang disenaraikan. 4. Wakil setiap kumpulan diminta menaipkan ayat dan memaparkan ayat yang dihasilkan di skrin LCD. 5. Kumpulan lain memberikan pendapat mereka tentang ayat yang dihasilkan dan ganjaran bintang. <p><u>Penutup</u> (10 minit) Guru merumus isi pelajaran secara keseluruhan.</p>	Ganjaran
PENGISIAN KURIKULUM	<p>Ilmu : Pendidikan Kesusasteraan Nilai : Kerjasama EMK : TMK / kreativiti dan inovasi KBT : Kontekstual, Kemahiran berfikir</p>	
BAHAN BANTU BELAJAR	Peta Pokok (i-Think), lembaran kerja	
PENILAIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN / PENTAKSIRAN	Pelajar menjawab soalan dengan menghurai jawapan berdasarkan petikan, KBKK, dan soalan Komsas	
REFLEKSI		

CONTOH 2

<p>Bahasa Melayu</p> <p>Tingkatan 2 Beta</p> <p>1.10 hingga 2.30 petang</p>	<p>Tajuk : Kebudayaan di Malaysia</p> <p>Objektif : Pada akhir pelajaran, murid dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menulis isi penting berdasarkan bahan video dan cetakan 2. Menyusun isi-isi penting mengikut keutamaan. 3. Menulis isi-isi penting.berdasarkan bahan paparan. <p>Fokus Utama : 8.1 Aras 1(iii) Menentukan isi yang penting dan kurang penting dalam maklumat yang diperoleh.</p> <p>Fokus Sampingan : 2.1 Aras 1 (ii) Mengemukakan idea utama dan idea sokongan untuk menghuraikan pendapat</p>	<p>Aktiviti :</p> <p>Set induksi – Tayangan video Perbualan 4 sahabat (bahan digital MBMMBI)</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Soal jawab lisan – guru dan murid ii. Perbincangan berkumpulan tentang isi penting iii. Menulis isi-isi penting mengikut keutamaan iv Menyenaraikan 3 contoh golongan kata nama, kata kerja dan kata adjektif <p>Refleksi :</p>	<p>BBB : Edaran</p> <p>Nilai : Bersyukur Bertanggungjawab</p> <p>KBT : Kecerdasan pelbagai</p> <p>Sistem Bahasa : Golongan kata</p> <p>i-Think – Peta Dakap</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 10px;"> </div>
---	---	--	---

TANDATANGAN GURU :

TANDATANGAN PENGETUA :

TEMA	KEBUDAYAAN	Catatan
TINGKATAN	2 BETA	
TAJUK	PERAYAAN DI MALAYSIA	
MASA	1.00 PETANG HINGGA 2.00 PETANG	
ENGLISH FORM 5 9.15 - 10.25	<p>Theme:Environment</p> <p>Topic: Chapter 7: Looming Disasters</p> <p>Focus: Writing</p> <p>Learning Outcomes:</p> <p>1.2 Take part in social interaction by:</p> <p>a. Carrying out a variety of language functions</p> <p>(v) Participating in a conversation</p> <p style="padding-left: 20px;">i. Explaining one's views</p> <p style="padding-left: 20px;">ii. Accepting the views of others</p> <p style="padding-left: 20px;">iii. Defending one's point of view with reasons</p> <p>2.2(j) making short notes and mapping out ideas</p> <p>2.2(xv) Identifying and contrasting points of view</p> <p>2.3 Present information to different audiences by:</p> <p>(a) writing an article (argumentative)</p> <p>(iv) expanding notes and outlines</p> <p>(f) composing, revising and editing drafts</p> <p>Objectives;</p> <p>By the end of the lesson, students will be able to:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Identify the structure for an argumentative essay. 2. Write a good introduction. 3. Write topic sentences with supporting details. 4. Write an argumentative essay

Activities:

Pre:

1. Teacher introduces an issue. For example: Handphones should be allowed in schools.

2. Teacher uses the MBMMBI Teaching Software to introduce the writing

3. skills. Click on Writing. Then, click on Understanding question 1. Click the audio button and listen to the introduction of the PQRS Model.

While:

3. Click on the Essay Play 1.

4. Print the passage and distribute to the students. Students practise on the structure using drag and drop. Click on Marking to check on the answers. Teachers can get further explanation by clicking on Feedback.

5. Click on Introductions. Highlights on the Three features of a good introduction. Print the passage and distribute to the students. Click on the sections highlighted in blue to see explanation based on the Three features of a good introduction.

6. Click on Write an introduction. Then click on Introduction AGAINST and Introduction FOR to further explain the Three features of a good introduction. Highlight the phrase:

In this essay, I will examine whether

I will then justify that

I will then argue that

7. For the Body section Click on Topic Sentences. Explain the role of topic sentence. Print the passage and distribute to the students. Ask the students to arrange the sentences in each paragraph. Click on Marking to check on the answers. Teachers can get further explanation by clicking on Feedback. Click on Marking to check on the answers.

Teachers can get further explanation by clicking on Feedback.

8. To link ideas Click on Linking Ideas 1. Click the audio button. Students listen and identify the Linking by Time linker and Cause and Effect Linker. Discuss.

9. Print the exercise. Ask students to underline the linkers. Click on Marking to check on the answers. Teachers can get further explanation by clicking on Feedback. Teacher explains the importance of linkers to organize ideas. To do further exercise on linkers, click Linking Ideas 2.

Post:

1. Topic for the argumentative essay can be taken from the Speaking Lesson. Ask students to conduct Word Attack using Circle Map.

2. In groups, use a Multi Flow Map to brainstorm for Cause and Effect.

3. Assign a writing task, could be taken from the Speaking Lesson.

Conduct process writing if time permits.

Educational Emphases:

Circle Map, Multi Flow Map, HOTS: Justify, Identify

Teaching Aids: MBMMBI Teaching Software, Poster Sheets, Marker Pens.

Reflection:

LAMPIRAN



GALAKGUNA MBMMBI

INSTRUMEN PEMANTAUAN PENGUNAAN BAHAN DIGITAL MBMMBI

NAMA PEMANTAU					
JABATAN					
NAMA GURU					
MATA PELAJARAN					
TAHUN / TINGKATAN					
TAJUK					
BAHAN DIGITAL DIGUNAKAN					
Tanda { / } pada skala : 1 – Lemah, 2 – Sederhana, 3 – Baik					
Bil	Bidang	1	2	3	Catatan
1	Persediaan dan Perancangan				
1.1	Rancangan Harian bersesuaian dengan objektif pembelajaran				
1.2	Objektif dapat diukur dengan tepat				
1.3	Pemilihan aktiviti bersesuaian dengan objektif pengajaran				
2	Isi Kandungan Bahan Digital				
2.1	Bahan bersesuaian dengan objektif pembelajaran				
2.2	Keupayaan menggunakan isi kandungan secara maksimum				
2.3	Murid berupaya memahami isi kandungan				
3	Kaedah Penyampaian				
3.1	Keupayaan penyampaian isi kandungan jelas				
3.2	Keberkesanan teknik penyediaan				
3.3	Kaedah pembelajaran bersifat interaktif				
4	Penggunaan Masa				
4.1	Aliran masa menepati paparan bahan yang digunakan				
4.2	Pelaksanaan aktiviti sejajar dengan masa yang diperuntukkan				
5	Kemahiran Guru				
5.1	Guru mahir menggunakan Bahan Digital dengan berkesan				
5.2	Guru mahir menggunakan perkakasan digital dengan berkesan				
6	Aspek Teknikal dalam menggunakan bahan digital				
6.1	Arahan digital mudah dan jelas				
6.2	Paparan menu membantu guru				
BILANGAN SKOR					

JUMLAH SKOR KESELURUHAN	
PERATUS PENGGUNAAN BAHAN DIGITAL	
STATUS PENGGUNAAN BAHAN DIGITAL	

PENARAFAN STATUS CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PEMANTAU	
<i>JULAT</i>	<i>STATUS</i>
0 – 25	LEMAH
26 – 50	MEMUASKAN
51 – 75	BAIK
76 - 100	CEMERLANG
<i>PENGESAHAN PEMANTAU</i>	

PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

Pendekatan merujuk kepada cara bagaimana sesuatu mata pelajaran itu diajarkan untuk mencapai objektifnya. Setiap pendekatan hendaklah mencerminkan satu pandangan atau pendapat tentang hakikat satu matlamat pelajaran. Ia bertujuan untuk memudahkan murid menerima dan memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru

Pendekatan Koperatif

Pendekatan koperatif merupakan program yang berstruktur yang menekankan penguasaan kemahiran, konsep dan maklumat. Pendekatan pembelajaran koperatif memerlukan murid bekerjasama ke atas setiap satu ahli dalam kumpulan. Kaedah ini mensasarkan matlamat dan pencapaian kumpulan yang hanya dapat dicapai jikalau semua ahli dalam kumpulan itu belajar semua objektif yang diajar.

Ada tiga konsep yang berkait dengan pendekatan ini iaitu, ganjaran kumpulan, kebertanggungjawaban individu, dan peluang yang sama untuk berjaya. Melalui ini, kumpulan akan mendapat pengiktirafan jika menunjukkan prestasi yang membanggakan. Oleh itu, ahli dalam kumpulan bertanggungjawab membantu sesama mereka dalam kumpulan demi untuk mengekalkan prestasi kumpulan mereka. Kaedah ini menunjukkan bahawa ganjaran kumpulan dan kebertanggungjawaban individu merupakan elemen penting untuk menghasilkan pencapaian kemahiran asas (Slavin, 1983). Dalam beberapa kajian, kesan atas pencapaian murid adalah meningkat hasil daripada tanggungjawab individu dan matlamat kumpulan.

Pendekatan Deduktif

Di sekolah guru mengajar murid menaakul secara deduktif dan induktif. Dari segi penaakulan deduktif, guru sering mengajukan kepada murid dengan peraturan am dan membantu mereka mengenal pasti contoh dan mengaplikasikan peraturan tadi. Dalam hal ini, dalam mata pelajaran kemahiran hidup pun boleh dilaksanakan penaakulan seperti guru ingin murid menyatakan apakah yang perlu kamu pakai untuk berkebum. Pelajar akan menyatakannya serta memberi contoh dan berupaya pula mengaplikasikannya apabila hendak berkebum. Ringkasnya prestasi murid selepas memberi contoh itu membawa kepada inferens bahawa murid telah menemui peraturan yang perlu untuk menyelesaikan dan peraturan ini boleh digeneralisasikan kepada situasi baru yang mempunyai kaitan yang sama.

Pendekatan Bermain Sambil Belajar

Kaedah bermain adalah kaedah pembelajaran yang mendekatkan diri pelajar kepada pengalaman sebenar secara langsung, terutama apabila mengajar konsep atau kemahiran. Apabila digunakan secara berkesan boleh menambah respon murid dan kepekaan kepada perasaan orang lain, iaitu murid tidak akan dapat memahami atau mengaplikasikan prinsip yang dipelajari dengan berkesan dan bermakna kecuali diberi peluang menyaksikan sendiri situasi sebenar dan menilai hasil aplikasi mereka dalam situasi bermasalah. Murid berpeluang dan boleh mempertingkatkan kebolehan empati, menambah kepekaan proses interaksi dan memiliki kebolehan menganalisis situasi secara objektif. Kaedah bermain sambil belajar merupakan situasi yang dilakukan secara spontan dengan arahan dan bahannya diambil daripada kisah benar. Untuk kaedah ini digunakan dengan berkesan, beberapa proses asas harus diikuti iaitu:

1. Pengenalan dan Kesianan Murid

Murid berada dalam keadaan baik untuk belajar apabila mendapati reaksinya terhadap situasi sebelum ini tidak memuaskan. Maka dengan ini murid akan bermotivasi untuk mencuba cara yang baru. Contohnya membentangkan situasi bermasalah dengan

beberapa cara bereaksi terhadapnya dan murid memilih cara bereaksi jika dia terlibat dalam situasi itu. Lepas itu murid dikehendaki menunjukkan empati atau yang boleh membina perasaan empati. Misalnya, jika rakan kamu cedera selepas menggunakan alatan tajam, apakah yang perlu kamu lakukan dan bagaimana kamu menunjukkan tanda simpati dan cara membantunya.

2. Mendefinisikan Situasi dan Peranan

Situasi dibentuk oleh murid dengan bimbingan guru. Namun dalam pendidikan khas, guru haruslah membentuk situasi dan memberi arahan yang lebih jelas supaya murid lebih memahami situasi serta dengan bimbingan berterusan. Selepas pemilihan murid-murid yang terlibat, maka mereka akan melakukan lakonan itu. Guru haruslah membantu murid mendapatkan pengertian tentang masalah dan berasa selesa dalam peranannya.

3. Menyediakan Kelas untuk Pemerhatian dan Analisis

Fasa ini melibatkan mengorientasikan murid yang memerhati supaya mereka tahu tanggungjawab mereka dan akan melibatkan diri secara aktif dalam pengalaman pembelajaran. Kemudian murid diminta memberi pendapat tentang isu yang dilakonan.

4. Bimbingan

Guru membimbing murid khas dalam lakonan yang ditentukan. Murid melakonkan watak contohnya pekebun sayur di kebun sayurnya yang menghadapi masalah dimusnahkan oleh haiwan ternakan. Pelajar dibimbing melakonkan setiap watak, pekebun, tuan punya kebun, tuan punya haiwan dan watak lain.

5. Analisis dan Perbincangan

Pada peringkat ini, guru dan murid membuat analisis dan perbincangan tentang keseluruhan tema yang dilakonan dan mengeluarkan daya kreativiti penyelesaian masalah secara spontan. Guru dan murid akan bersoal jawab tentangnya.

Pendekatan Secara Kumpulan, kelas dan Individu

Pendekatan kumpulan bermaksud murid bekerja dalam kumpulan. Walaupun berkumpulan setiap murid mengekalkan individualitinya dan dibantu untuk menyumbang idea kepada kumpulan. Setiap murid dalam kumpulan bertanggungjawab berkongsi idea dan memberi sumbangan yang baik, bukan mengikut sahaja. Guru memainkan peranan penting lebih-lebih lagi bagi murid pendidikan khas. Guru haruslah memastikan murid boleh mengalami pembelajaran bertujuan dan matlamat serta objektif kumpulan secara beransur dan penilaian diadakan berterusan. Guru mestilah berulang-ulang kali menyatakan objektif kerja secara kumpulan, kelas dan individu. Ini supaya murid memahami peranan dan akan meningkatkan kerjasama untuk kejayaan kerja kumpulan. Pendekatan kumpulan sebagai satu kaedah pengajaran membantu murid menjadi bebas serta yakin dan pada masa yang sama belajar bahawa seseorang itu bergantung antara satu sama lain. Ia sesuai sebagai satu cara untuk mempertingkatkan penyesuaian sosial.

Pendekatan pengajaran kelas pula, guru akan berada di hadapan kelas dan mengajar. Murid akan memberi perhatian, membuat tugas atau menulis dan lain-lain. Selepas itu, pelajaran baru bermula, guru akan bertanyakan pelajaran lepas dan meneruskan dengan maklumat baru, memberi sedikit kerja kelas, menekankan fakta penting, menyoal, memberi tugas untuk hari berikutnya, menjawab soalan murid dan pelajaran berakhir. Walau bagaimanapun, dalam pendidikan khas, guru banyak membimbing murid dalam tugas ini, memberi tugas yang mampu dilakukan oleh murid. Apabila mmurid faham akan pelajarannya, maka penguasaan ilmu mereka akan diuji melalui kerja-kerja latihan.

Pendekatan individu pula menekankan rancangan untuk sesuatu pelajaran itu mengambil kira perbezaan murid. Setiap murid bekerja dengan bebas dan menerima bantuan apabila mereka memerlukannya. Murid akan melalui pembelajaran mengikut kadar kebolehannya. Jadual juga dirancang untuk mereka, tugas akan disusun supaya pmurid ini akan bekerja berterusan. Ada beberapa kaedah untuk pengajaran individu seperti:

- Menggunakan panduan yang rancangannya ditulis mengarah murid dalam pembelajarannya. Dalam panduan itu, guru memberi objektif serta aktiviti yang disusun mengikut urutan supaya pada akhir aktiviti itu, objektif pembelajaran tercapai. Dengan cara ini, murid boleh membuat tugas mengikut kadar kebolehannya. Melalui kaedah ini, segala arahan dan tugas sentiasa ada dan panduan belajar menyatakan apa yang perlu dilakukan.
- Bahan dan program juga merupakan kaedah yang digunakan dalam pendekatan individu. Setiap langkah mempunyai sedikit matlamat, disusuli dengan soalan dan meminta respon daripada murid. Apabila murid memberi respon, dia akan ditunjukkan dengan jawapan yang betul yang memberi penegasan kepada tindakan murid tersebut. Maklumat baru, kemahiran, saranan dan cadangan dimasukkan dalam program itu.
- Memberi tugas individu yang sesuai dengan tahap murid. Tugas individu ini berbeza dari segi kuantiti dan kualiti mengikut kebolehan dan keperluan murid.
- Menggunakan tahap kesukaran dalam program pengajaran dan juga menggunakan tahap jangkaan dalam memperihalkan kemajuan atau kualiti murid. Apabila murid diberikan tugas mengikut tahap kesukaran tertentu, maka setiap tahap itu menjadi tahap jangkaannya. Murid itu diharap akan mencapai kualiti dan kuantiti kerja yang dibentuk untuk tahap itu dan kemajuannya dilaporkan secara berterusan.

Pendekatan Berasaskan Penyelidikan (Research-Based Approaches)

Meese (2001) dalam bukunya "Teaching Learners With Mild Disabilities Integrating Research and Practice" Second Edition, menyenaraikan beberapa pendekatan berasaskan penyelidikan, iaitu:

1. Pengajaran Secara Terus

Pengajaran ini berprinsipkan penilaian secara berterusan dan dibuat secara langsung dan menekankan kepada komponen-komponen kemahiran tertentu dalam memberi tugas kepada murid. Ia juga berfokuskan kepada kecekapan guru pendidikan khas dalam merealisasikan teknik pengajaran untuk membantu meningkatkan pencapaian murid.

Pendekatan ini telah diperkenalkan oleh Bereither dan Engelmann (1996). Pengkaji ini telah menggunakan pengajaran secara berstruktur dan pendekatan secara berulang-ulang dalam mengajar kemahiran asas kepada pelajar. Antara kebaikan pendekatan ini ialah, ia jelas, pengajaran dapat dijalankan dengan teratur, berfokuskan kepada kemahiran tertentu sahaja, cepat dan sistematik serta dapat memberi maklum balas yang baik kepada murid.

2. Pengajaran Strategi Kognitif

Murid khas dengan ketidakupayaan ringan merupakan murid yang agak sukar untuk mengaplikasikan apa sahaja kemahiran dan tingkah laku yang dipelajari di dalam kelas ke dalam situasi baru atau aktiviti di luar kelas. Oleh itu, dengan adanya gabungan strategi pengajaran seperti modifikasi tingkah laku kognitif, strategi pengajaran dan pembelajaran dan strategi pengajaran metakognitif dapatlah membantu murid memberi tumpuan, tujuan, memilih strategi yang sesuai dan efektif dalam menjalankan tugas dan dapat mengawal perkembangan individu.

3. Bimbingan Rakan Sebaya

Penglibatan rakan sebaya adalah amat penting dalam mempengaruhi pembelajaran murid khas di dalam kelas. Ia juga dapat meningkatkan pencapaian murid dengan memaksimumkan masa dalam proses pengajaran dan pembelajaran akademik. Apa yang penting adalah interaksi antara mereka dalam menjalankan tugas seperti mewujudkan kerjasama antara mereka. Guru akan memainkan peranan sebagai perancang, melatih murid untuk berkongsi dengan rakan-rakan sebaya agar dapat memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai.

4. Pembelajaran Berasaskan Keadaan Sebenar

Pendekatan ini akan dapat membantu murid dengan ketidakupayaan ringan mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dalam masalah yang dihadapi dalam keadaan sebenar atau aktiviti luar kelas seperti perkebunan. Murid akan lebih bersedia untuk menghadapi keadaan sebenar apabila murid tersebut telah didedahkan dengan pembelajaran yang berbentuk pengalaman sebenar yang akan berlaku di luar kelas apabila proses pengajaran pembelajaran dijalankan di dalam kelas.

Pendekatan Analisis Tugas (Task Analysis)

Analisis tugas sering digunakan dalam pendidikan khas. Ia boleh didefinisikan sebagai suatu proses yang melibatkan satu kemahiran tertentu atau objektif am dipecahkan pada langkah-langkah urutan yang kecil. Analisis tugas dapat membantu pemahaman dan meningkatkan penguasaan kemahiran murid khas secara beransur-ansur. Sebagai contoh, mendail nombor telefon, melibatkan 12 kemahiran kecil seperti berikut:

- dapat mengenal nombor 0 hingga 9.
- dapat membezakan antara arah kanan dan kiri.
- dapat mengangkat gagang telefon dan menunjukkan bagaimana memegangnya.
- dapat menunjukkan ke arah mana untuk mendail dan menunjuk bagaimana meletakkan jari-jarinya ke dalam lubang-lubang.
- dapat menunjukkan ke arah halangan dail (bahagian penahan pergerakan dail).
- dapat memusing dail dengan jarinya sehingga halangan dail.
- dapat meletak jari ke dalam lubang yang padan dengan satu angka yang diberi.
- dapat mendail dua angka yang diberi dalam turutan.
- dapat mendail lebih angka dalam urutan hingga 10 angka. (03 - 89255039).
- dapat mengulangi langkah (10) semasa memegang gagang telefon berdekatan telinganya.
- dapat mengulangi langkah (8) dan (9) semasa memegang telefon berdekatan dengan telinganya.
- dapat mengulangi langkah (11) dalam susunan kiri ke kanan yang betul apabila diberikan nombor telefon yang penuh.

(Sumber: diubah suai daripada Larsen & Poplin, 1980)

Dalam pelaksanaan pengajaran analisis tugas boleh diamalkan pada setiap kemahiran mata pelajaran lain. Analisis tugas adalah perincian tentang sesuatu tugas atau aktiviti. Tujuannya untuk menstruktur sesuatu aktiviti perlakuan itu dari mula hingga akhir, dan akhirnya murid dapat melakukannya satu persatu hinggalah menguasainya. Contoh, dalam kemahiran mengenal fungsi alatan perkebunan seperti cara menggunakan cangkul, analisis tugas dibuat supaya murid tahu cara-cara menggunakan cangkul dan alatan lain. Secara keseluruhan, pendekatan yang efektif untuk proses pengajaran dan pembelajaran murid khas adalah seperti berikut:

- Pengajaran dan pembelajaran hendaklah dijalankan secara terus dan berterusan dari hari ke hari.
- Proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah jelas dan terancang serta diajar dengan teratur.
- Proses pengajaran hendaklah disertakan dengan contoh yang bersesuaian dan jelas serta mudah pula difahami murid.
- Maklum balas mengenai pengajaran dan pembelajaran baik daripada murid kepada guru ataupun guru kepada murid hendaklah jelas untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik lagi.
- Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, pengulangan konsep-konsep penting hendaklah dijalankan agar murid lebih memahami apa yang telah dipelajari.
- Proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah bermakna kepada murid serta dapat diaplikasikan di dalam kehidupan seharian.
- Proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah memberi penekanan kepada strategi mengingat fakta-fakta.
- Proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah juga berfokuskan kepada memodifikasinya kepada pekerjaan.

Bagi pendekatan yang melibatkan perancangan berkumpulan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, yang paling berkesan adalah melibatkan pendekatan seperti berikut:

1. Bimbingan Rakan Sebaya

Rakan sebaya akan sama-sama membantu guru dalam membantu rakan lain. Ini akan dapat memberi pendedahan kepada murid-murid dalam bersosialisasi antara mereka.

2. Pembelajaran Koperatif

Pembelajaran koperatif yang berprinsipkan pengajaran secara berkumpulan dapat membantu murid bekerjasama dalam kumpulan masing-masing. Ia lebih berfungsi kepada kumpulan yang kecil jumlah ahlinya.

3. Pembelajaran Kolaboratif

Pembelajaran ini melibatkan guru pendidikan khas dan guru kelas biasa bekerjasama secara berpasangan untuk merancang dan seterusnya melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

4. Kumpulan Berdasarkan Kemahiran dan Keperluan

Kumpulan ini terdiri daripada mereka yang pakar dalam bidang masing-masing dan mengikut keperluan murid. Mereka ini juga akan memberi khidmat yang diperlukan kepada murid-murid.

Pendekatan Pengajaran Bertema

Pendekatan pengajaran bertema (Jabatan Pendidikan Khas 2005) digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid pendidikan khas. Pemilihan topik atau tema mestilah bersesuaian dengan persekitaran murid. Pendekatan pengajaran bertema melibatkan perkara-perkara berikut:

- penggunaan satu tajuk umum merentasi bidang pembelajaran
- pemilihan tajuk berdasarkan kesesuaian tahap murid, situasi tertentu atau peristiwa semasa
- saling berkaitan dengan pengalaman sedia ada dan pengalaman baru yang diperolehi secara tersusun dan sistematik

- peluasan dan pengukuhan pengetahuan dan kemahiran
- pementakan daripada yang mudah kepada yang sukar dan umum kepada yang lebih spesifik

Pemilihan tema pula perlu mengambil kira perkara-perkara di bawah:

- kesesuaian dengan kehidupan murid
- peluang untuk mengaplika kemahiran kepada murid seperti kemahiran asas mendengar, membaca, menulis, mengira, penggunaan komputer dan lain-lain.
- kemahiran yang diperolehi daripada tema yang diajar dapat membantu murid mendapat kemahiran penyelesaian masalah
- sumber yang mudah didapati
- mengikut musim atau peristiwa untuk memberi kesedaran dan pengukuhan serta meningkatkan pengetahuan murid

Perkara-perkara berikut perlu dilaksanakan dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran bertema:

- sumbang saran berdasarkan topik oleh murid
- kenal pasti subtopik dan pilih aktiviti yang sesuai untuk membantu murid mempercayai isi kandungan dan mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari dalam konteks yang bermakna
- mencipta peta minda untuk tema
- merancang dan menggalakkan kemahiran berfikir
- iklim dan persekitaran bilik darjah mempunyai suasana yang kondusif dan berkaitan dengan tema

Pendekatan Visualais

Pendekatan visualais (Jabatan Pendidikan Khas 2005) merupakan pendekatan yang lebih bermakna dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Murid akan dapat melihat dengan jelas dan lebih memahami tatacara gerak kerja sesuatu kemahiran itu diajar atau ditunjukkan . Pendekatan ini merangsang murid ingin mencuba dan melaksanakannya kepada semua aspek pengajaran dan pembelajaran yang terdapat dalam semua bidang khususnya bidang pravokasional. Keperluan pelaksanaan pendekatan visualis ini ialah guru perlu menyedari bahawa murid mempunyai penglihatan yang baik dan kebolehan tahap pengamatan mereka berbeza; murid lebih memahami dengan cara menunjukkan cara sesuatu kemahiran itu diajar; dan murid lebih terangsang dan faham dengan menampakkan sesuatu langkah kerja itu dilakukan.

Prinsip pendekatan visualais ini ialah sebarang bentuk paparan yang hendak ditunjukkan hendaklah jelas dan tidak mengelirukan , jaraknya yang hampir dengan murid, diterangkan dengan jelas dan jika perlu dilakukan berulang-ulang dan cahaya yang cukup terang serta bentuk paparan itu dengan memilih warna yang sesuai. Ciri-ciri pendekatan visualais ini ialah:

- hasil pembelajaran perlu ditentukan
- aktiviti pengajaran dan pembelajaran lebih berfokus
- aktiviti pembelajaran disusun mengikut urutan dari yang mudah kepada yang lebih kompleks
- bahan pengajaran dan pembelajaran mesti sesuai dengan tahap penguasaan murid dan berkaitan dengan kemahiran yang dipelajari
- sesuatu kemahiran itu diajar dengan kaedah tunjuk cara yang boleh dilihat oleh mereka
- murid lebih faham dan mudah mengikut apa yang dipaparkan kepada mereka

Pendekatan Kolaborasi

Pendekatan kolaborasi dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan khas boleh dibahagikan kepada empat bahagian iaitu latihan kemahiran kerja, bengkel terlindung, pelbagai kaedah terapi dan aktiviti luar bilik darjah.

1 Latihan Kemahiran Kerja

Latihan kemahiran kerja perlu didedahkan kepada murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Matlamat utama latihan ini adalah untuk memberi kemahiran sendiri, komunikasi, sosialisasi, dan kemahiran asas berkaitan pekerjaan dalam kehidupan. Latihan kemahiran kerja boleh dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu:

2 Latihan Dalaman (Berbentuk Projek)

Guru melaksanakan aktiviti berbentuk projek yang telah dirancang dengan baik . Contohnya;

- perkebunan dan penjualan hasil tanaman
- aktiviti-aktiviti perdagangan seperti membuat aiskrim, biskut, kek, dan lain -lain
- memelihara ikan , burung dan lain-lain

3 Latihan Kerja yang Melibatkan Pihak Luar atau Kerja Luar

Guru mendapatkan barangan dari luar (kilang) untuk pembungkusan (assemble) dalam waktu persekolahan atau membuat barangan yang tertentu, contohnya hasil kraftangan murid seperti batik, bunga telur dan lain-lain untuk dijual

4. Latihan Kerja Sebenar

Latihan kerja sebenar ialah usaha mewujudkan situasi sebenar untuk sesuatu latihan kerja seperti mencuci kereta, mendobi, dan lain-lain yang dibuat di sekolah. Pelajar-pelajar dihantar bekerja di tempat sebenar dan pemantauan dibuat oleh pegawai kerja.

5. Bengkel Terlindung

Fungsi bengkel terlindung adalah untuk memberi pengalaman , latihan, penilaian, dan pekerjaan kepada individu yang berkeperluan khas. Terdapat bengkel terlindung yang beroperasi sendiri (di bawah pengurusan sekolah) atau yang mempunyai perjanjian dengan agensi yang memberi perkhidmatan berkaitan dengan kerjaya. Bengkel terlindung tidak mementingkan hasil pengeluaran tetapi lebih mengutamakan pengalaman bekerja individu, menanam minat, memenuhi keperluan sosial dan memberi kemahiran interpersonal. Di bengkel terlindung perlu ada:

- penilaian kemahiran vokasional
- latihan kerja secara umum atau khusus
- memberi peluang latihan kepada individu yang berkeperluan khas
- peluang untuk berekreasi
- perkhidmatan untuk mendapat pekerjaan pada masa hadapan
- bekerja dalam jangka masa panjang sebelum mendapat pekerjaan lain

Aktiviti Luar Bilik Darjah

Aktiviti ini dijalankan di luar waktu pembelajaran, bertujuan untuk;

- memberi peluang untuk murid memperoleh pengalaman sebenar
- rekreasi
- bersosialisasi dan berkomunikasi
- aktiviti yang menggembirakan
- penerokaan dan interaksi dengan persekitaran
- aktiviti bebas dan terancang
- meningkatkan aktiviti kemahiran vokasional

Antara aktiviti yang dijalankan di luar bilik darjah adalah aktiviti rekreasi yang melibatkan:

- lawatan
- motivasi
- perkhemahan
- perkelahan
- berkuda
- berenang
- aktiviti jual beli
- lawatan sosial
- kraftangan
- latihan industri

KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Kaedah pengajaran bermaksud tindakan-tindakan yang dilakukan oleh guru dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Kaedah ini melibatkan tindak balas antara guru dan murid (Rahil Mahyudin et al. 1997) . Di antara kaedah yang bersesuaian untuk mengajar pembelajaran Kemahiran Hidup ialah kaedah memberi arahan, demonstrasi, permainan, penemuan, kaedah pusat pembelajaran dan kaedah projek. Di sini disenaraikan beberapa kaedah yang boleh digunakan oleh guru pendidikan khas yang mengajar Kemahiran Hidup.

Kaedah Tunjuk Cara

Kaedah tunjuk cara adalah kaedah yang telah lama digunakan di sekolah. Kaedah ini dipilih terutamanya sebagai satu cara untuk membiasakan murid dengan prosedur yang perlu diikuti oleh mereka semasa membuat aktiviti seperti berkebun, menggunakan alatan dan sebagainya. Kaedah tunjuk cara yang berjaya mengandungi langkah-langkah yang memberi murid peluang menunjukkan bahawa mereka benar-benar memahami apa yang dipelajari. Sesuatu tunjuk cara tidak akan berjaya dan lengkap jika tidak diberi peluang murid membuat sesuatu yang menunjukkan mereka telah menguasai maklumat, proses atau prinsip tertentu. Langkah-langkah untuk menjayakan kaedah ini adalah seperti berikut:

Langkah 1

Tunjukkan kepada murid langkah-langkah yang mesti diikuti oleh mereka untuk melakukan tugas yang diberi. Murid juga perlu dimaklumkan tentang sifat tugas itu.

Langkah 2

Beri tindak balas kepada soalan murid tentang tunjuk cara yang telah dibuat. Guru juga perlu bertanya soalan kepada murid untuk memastikan mereka benar-benar faham akan arahan yang diberikan.

Langkah 3

Tinjau semula langkah-langkah yang perlu diikuti oleh murid. Murid mesti jelas dengan langkah-langkah aktiviti. Adalah baik jika guru menulis setiap arahan untuk memastikan tiada arahan yang tertinggal semasa aktiviti berlangsung.

Langkah 4

Secara rawak, guru perlu memilih beberapa orang murid untuk membacakan turutan langkah-langkah betul yang telah dilakukan oleh mereka.

Langkah 5

Beri peluang murid mempraktikkan apa yang telah dipelajari oleh mereka. Kaedah tunjuk cara apabila dirancang dan dilaksanakan boleh memberi kefahaman kepada murid. Pada bahagian awal tunjuk cara, guru boleh mengambil sedikit masa untuk mengingatkan murid tentang objektif yang diberi penekanan. Disebabkan guru menjadi pusat perhatian dalam kaedah tunjuk cara ini, adalah mudah baginya untuk membantu murid mengingat kembali maklumat yang telah dipelajari sebelumnya yang berkaitan dengan tugas pembelajaran baru.

Kaedah Simulasi

Tujuan kaedah simulasi adalah untuk meningkatkan kebolehan murid mengaplikasikan konsep-konsep tertentu dalam penyelesaian masalah. Simulasi adalah suatu situasi yang diwujudkan supaya menyerupai situasi sebenar tetapi dalam bentuk yang dipermudahkan, diringkaskan atau dikecilkan supaya masalah atau isu yang berkaitan lebih mudah diselesaikan. Dalam kaedah ini, guru mempunyai beberapa tanggungjawab, antaranya:

- memilih satu masalah atau isu yang melibatkan minat atau pandangan yang berlawanan.
- memastikan unsur-unsur utama masalah atau isu terkandung dalam simulasi.
- mengenal pasti konsep-konsep yang terlibat dalam masalah atau isu berkenaan.
- menentukan langkah-langkah yang perlu diambil semasa simulasi. Langkah-langkah ini termasuklah bagaimana tingkah laku murid, peranan yang dimainkan, serta peraturan yang mempengaruhi tindakan murid tersebut.

Murid mengambil bahagian dalam simulasi dengan cara memainkan peranan individu atau pihak yang terlibat mengikut peraturan atau prosedur yang ditentukan oleh guru. Contohnya, dalam satu simulasi berkaitan dengan kerja-kerja petani di kebun, kebun sayur musnah dilanda banjir, bagaimana pekerja-pekerja kebun sayur menggunakan pelbagai peralatan semasa bekerja. Pada amnya, simulasi akan berjaya jika melibatkan situasi kehidupan seharian. Simulasi juga digunakan bersama-sama dengan kaedah buku teks, perbincangan dan penyolalan.

Kaedah Projek

Tujuan kaedah projek adalah untuk melibatkan murid dengan idea-idea konseptual dan memperkembangkan kemahiran-kemahiran yang tidak mungkin dicapai melalui kaedah pengajaran lain. Objektif utama kaedah ini adalah untuk pemerolehan pengetahuan yang

baru oleh murid atau penggunaan pengetahuan sedia ada kepada situasi-situasi kehidupan seharian, penyelesaian masalah atau penghasilan produk. Dalam kaedah ini, guru berperanan untuk menentukan tajuk yang sesuai kepada murid. Bagi murid pendidikan khas, guru perlulah membantu sepenuhnya. Guru seharusnya berperanan sebagai rakan pembimbing, memastikan setiap murid mempunyai peranan dan tugas dalam melaksanakan projek, memberikan kebebasan dan kepercayaan kepada murid untuk melaksanakan sesuatu projek mengikut kemampuan murid dengan pemantauan guru, bertindak sebagai motivator dengan sentiasa memberi dorongan kepada murid untuk mengekalkan minat mereka serta memberi masa yang secukupnya kepada murid untuk melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan.

Untuk melancarkan perjalanan sesuatu projek yang dirancang, guru perlulah menyediakan alatan yang mudah dikendalikan, ringan dan tidak terlalu membahayakan murid supaya mudah dan selamat digunakan. Sebelum projek dilaksanakan, guru sepatutnya terlebih dahulu menerangkan setiap tugas itu, cara penggunaan alatan, tujuan projek dan sebagainya dengan berulang-ulang agar pelajar faham.

Kaedah Memberi Arahan

Tujuan memberi arahan adalah untuk memberi panduan kepada murid sebelum mereka memulakan aktiviti. Guru perlulah mengambil masa yang lama untuk memberi arahan. Perkara penting ialah murid perlu mempelajari bagaimana mematuhi arahan yang agak sukar difahami. Oleh itu, arahan guru haruslah jelas dan tepat serta berulang-ulang sebelum pembelajaran bermula. Berikut adalah panduan untuk menjamin arahan yang jelas dan mudah diikuti pelajar:

- mula-mula tuliskan arahan di dalam kelas. Ini akan memastikan semua arahan diingati dan akan dipatuhi.
- kurangkan arahan itu menjadi beberapa langkah sahaja. Jika langkah banyak, maka perlulah guru mendemonstrasikannya semasa memberi arahan, atau semasa membahagikan aktiviti pembelajaran itu kepada beberapa bahagian, dan setiap bahagian itu guru perlu memberikan arahan yang terperinci.
- pastikan arahan yang diberikan oleh guru jelas, tepat, pendek, ringkas serta menggunakan laras bahasa yang bersesuaian dengan murid berkeperluan khas.
- pastikan murid memberi tumpuan semasa arah diberi.
- nilaikan sejauh manakah murid memahami arahan berkenaan dengan cara bertanya kembali sama ada mereka ingat akan arahan guru atau guru bertanyakan apakah arahan pertama, kedua dan seterusnya.

Satu cara memperbaiki kemahiran memberi arahan adalah dengan menganalisis masalah yang dihadapi oleh murid semasa mereka melakukan aktiviti. Arahan tidak tepat, kabur, sukar, singkat serta tidak diulang-ulang akan menyebabkan murid melakukan kesalahan semasa menyelesaikan tugas.

Kaedah Latih Tubi

Kaedah latih tubi bertujuan untuk menyediakan latihan dan peneguhan secukupnya kepada murid tentang sesuatu pembelajaran spesifik supaya mereka secara automatik boleh menyebut atau memperingati semula maklumat apabila disuruh berbuat demikian. Perkara penting dalam latih tubi adalah maklumat khusus yang perlu diketahui (contohnya, kegunaan baja tumbuhan pada pokok, kegunaan alat tertentu dan sebagainya) atau dalam bentuk pengetahuan yang lain (misalnya, mengapakah baja penting kepada tumbuhan, mengapakah tidak boleh bermain dengan alat tajam dan sebagainya). Kaedah latih tubi mungkin akan membosankan jika dilakukan secara berterusan. Kaedah ini boleh menjejaskan tumpuan murid-murid berkeperluan khas, lebih-lebih lagi murid khas

bermasalah pembelajaran. Oleh itu, untuk mengelak kebosanan dan kurangnya konsentrasi murid, pelbagai bentuk latihan boleh digunakan seperti:

- mengadakan kaedah latihan tubi secara pertandingan dalam kumpulan atau individu, iaitu siapa yang dapat menjawab sesuatu pertanyaan guru tentang sesuatu berkaitan dengan kemahiran, markah akan dikira dan dijumlahkan dan kemudian dibandingkan dengan kumpulan atau individu yang lain yang terlibat.
- bagi murid yang kurang daya saing, kaedah latihan tubi boleh dijalankan dengan cara memegang peralatan dan menyebutnya, dari aspek nama peralatan tersebut, fungsi, cara penggunaan, cara menyimpan, cara untuk mengelakkan diri dari kecederaan akibat penggunaan peralatan dan sebagainya.

Sebenarnya seseorang murid itu boleh juga membantu rakan mereka dalam kaedah latihan tubi ini selain daripada guru dan ibu bapa. Jadi, latihan tubi antara satu kaedah yang penting dalam mengajar murid khas bermasalah pembelajaran untuk memahami apa yang diajar.

Kaedah Sumbang Saran

Tujuan kaedah sumbang saran adalah untuk menggalakkan murid menggunakan imaginasi mereka secara kreatif. Objektif keseluruhannya bertujuan untuk mencari idea-idea baru serta kombinasi idea. Murid digalakkan memberi sumbangan idea terhadap sesuatu kemahiran yang diajar guru dalam bentuk jawapan, kesimpulan, fakta serta penerangan. Pemikiran yang kreatif biasanya diarahkan kepada penyelesaian masalah-masalah tertentu, mencari cara-cara baru untuk bertindak dalam sesuatu situasi atau menghasilkan pelbagai interpretasi bagi sesuatu kejadian. Masalah atau kejadian menjadi fokus sumbang saran. Secara amnya, peraturan sumbang saran meliputi:

- sebarang idea diterima
- semua murid mesti aktif memberi pandangan, idea dan maklumat sebanyak mungkin.
- dilarang mengkritik sebarang idea.
- idea-idea dinyatakan secara spontan.
- pelajar boleh menggunakan idea rakan untuk memperluaskannya.

Keberkesanan sesuatu sesi sumbang saran bergantung kepada keadaan atau situasi berikut:

- guru menunjukkan sikap positif di samping menggalakan pemikiran positif di kalangan murid.
- murid mengambil bahagian secara aktif.
- guru sebagai pengadil, tidak menyebelahi mana-mana individu atau kumpulan.
- idea yang dipilih haruslah diperkembangkan untuk dijadikan maklumat serta digunakan sebaiknya.

Oleh itu, murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran amat digalakkan supaya memberi idea terhadap sesuatu permasalahan atau penyoalan soalan oleh guru untuk melatih mereka supaya memahami soalan dan permasalahan dan dapat berkomunikasi serta melatih mereka berfikir.

Kaedah Eksplorasi - Penemuan

Kaedah eksplorasi-penemuan bertujuan untuk meningkatkan pembelajaran murid melalui penemuan sendiri. Peranan guru adalah menyediakan peralatan tertentu. Murid dibenarkan menggunakan alat mengikut kesukaan masing-masing dengan pemantauan rapi daripada guru terutamanya apabila menggunakan peralatan berbahaya seperti parang, cangkul dan sebagainya semasa aktiviti di kebun.

Melalui kaedah ini, murid akan lebih mengetahui apakah kegunaan sesuatu alatan dengan membuat aktiviti menggunakan alatan itu. Kaedah ini juga bertujuan untuk meningkatkan rasa ingin tahu murid, keinginan untuk mencuba dan kebebasan melakukan eksplorasi. Jika sebelum ini mereka (murid) tidak berpeluang untuk cuba menggunakan peralatan ini atau menggunakannya secara nyata atas alasan dibimbangi akan memudaratkan mereka sendiri, namun dengan kebebasan diberi oleh guru serta dengan pemantauan rapi oleh guru, maka mereka akan merasakan berkeinginan untuk mencuba menggunakan peralatan tersebut dengan cara yang betul.

Bagi pelajar khas, sebelum penggunaan alatan itu dibenarkan untuk digunakan semasa aktiviti, guru haruslah menerangkan cara penggunaannya yang betul dan menjaganya agar tidak mendatangkan bahaya kepada diri dan rakan sekelas. Melalui kaedah ini, pembelajaran berlaku secara spontan dan dapat mengukuhkan pengetahuan mereka daripada pengajaran guru. Supaya pembelajaran lebih berkesan, guru perlulah:

- menyediakan alatan.
- memberi masa yang cukup untuk murid melakukan aktiviti.
- bertanya kembali tentang kegunaan alat itu selepas aktiviti selesai.
- menggalakkan mereka melakukan sendiri menggunakan alatan supaya mereka lebih faham akan kegunaannya.